

CNS3934
U GB 07-12 00157 BB188
BAH

KAJIAN BAGATMANA BANDUAN LARIKAN DIRI DIJALANKAN
Mahathir - Banduan

GENTING HIGHLANDS, 7 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menjalankan kajian untuk mengetahui bagaimana sembilan orang banduan di Penjara Pusat Kajang boleh melarikan diri.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata tindakan akan diambil jika kajian tersebut menunjukkan ada pihak yang bersalah dalam kejadian itu.

+Kita akan buat kajian sebab-sebab perkara ini berlaku,+ katanya pada persidangan akhbar selepas menghadiri dialog tertutup dengan peserta seminar kebangsaan Wawasan 2020 di sini, hari ini.

Di samping itu, katanya, usaha-usaha akan diambil bagi membetulkan semua cara yang digunakan oleh banduan-banduan tersebut. ketika melarikan diri.

Sembilan orang banduan penjara itu melarikan diri petang Ahad lepas. Setakat ini pihak berkuasa telah menangkap semula lima daripada mereka, termasuk dua orang pada hari yang sama ketika mereka masih berada dalam kawasan penjara. -- Lagi

▼07/12/17-56MST

CNS3935
U GB 07-12 00113 BB189
BAH

Mahathir - Banduan 2 Genting Highlands

Sementara itu ketika ditanya mengenai projek kereta nasional kedua, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Daihatsu telah mengemukakan penilaian mutakhir mengenai perkara itu.

Dalam penilaian tersebut, syarikat berkenaan menyatakan bahawa projek itu boleh dijalankan sekiranya syarat-syarat tertentu dipenuhi.

Bagaimanapun, Perdana Menteri enggan menyatakan syarat-syarat tersebut dengan alasan kerajaan masih mengkaji penilaian itu.

Pada Julai lepas, beliau berkata Daihatsu diberikan tanggungjawab menjalankan kajian kemungkinan sama ada Malaysia berupaya mengeluarkan kereta berkuasa 1000 cc ke bawah.

+Yang penting sekarang ialah bagi menentukan sama ada projek itu menguntungkan atau tidak ataupun kerajaan mungkin terpaksa memberibantuan terlalu banyak,+ katanya. -- Lagi

▼07/12/17-57MST

CNS3938
U GB 07-3 2 00094 BB190
BAH

Mahathir - Banduan 3 (Akhir) Genting Highlands

Katanya, projek itu tidak akan bermakna sekiranya kerajaan terpaksa memberibantuan yang terlalu besar untuk menjayakannya.

Di samping itu, kerajaan juga akan mengkaji keinginan Syarikat Peugeot, yang turut mahu mengeluarkan kereta berkuasa rendah di negara ini.

Bagaimanapun, setakat ini syarikat tersebut masih belum mengemukakan sebarang cadangan kepada kerajaan, kata Perdana Menteri.

Keinginan syarikat itu dinyatakan kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz bulan lepas, yang kemudiannya memintanya syarikat itu mengemukakan cadangan mereka. -- Bernama

▼07/12/17-58MST